

Keratan Akhbar bertarikh 20 September 2016

Sinar Harian

'Hapuskan mitos penjawat awam'

MB minta kakitangan kerajaan negeri ubah persepi orang ramai

■ MARLIA ZAKARIA

SHAHALAM - Anggota perkhidmatan awam perlu meningkatkan produktiviti dan kualiti dalam perkhidmatan demi kemajuan dan kemakmuran negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, golongan berkenaan perlu lebih berilmu, produktif dan berdaya saing dalam melaksanakan peranan masing-masing bersesuaian dengan keadaan serta cabaran masa kini.

"Mitos yang sering kita dengar sebelum ini ialah anggota perkhidmatan awam datang antara jam 8 pagi hingga



"Mitos yang sering kita dengar sebelum ini ialah anggota perkhidmatan awam datang antara jam 8 pagi hingga 4 petang dan pulang begitu sahaja."

- Azmin

4 petang dan pulang begitu sahaja.

"Ya harus dihapuskan kerana kita kena yakin mereka mempunyai potensi besar dan

bakat berbeza yang perlu dimanfaatkan bukan sekadar menjalankan tugas mengikut piagam semata-mata," katanya.

Beliau berkata, oleh kerana itu kerajaan negeri positif menggilap potensi penjawat awam negeri melalui kesukanan.

"Hari ni kita lihat penyertaan besar dalam kontinjen SUK Negeri Selangor ke Sukan SUK Se-Malaysia.

"Ya menunjukkan potensi ini harus digilap dengan semangat kesukanan dan disiplin tinggi sekali gus dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada negeri," katanya selepas Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen SUK Selangor ke Kejohanan SUK Se-Malaysia di Auditorium Dewan Jubli Perak, semalam.